



# Research **NEWS**

3/2024

Department of  
Research & Innovation  
Universiti Teknologi MARA

# UiTM TERIMA PERISIAN SIMULASI PEMBUATAN LOGAM PINTAR KOREA SERTA GERAN INDUSTRY ANTARABANGSA

10 July 2024 | Dagang News

Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerima perisian simulasi pembuatan logam AFDEX (Advisor for Metal Forming process Design Experts) daripada MFRC (Metal Forming Research Corporation) Korea, sebuah syarikat perkhidmatan simulasi pembentukan logam terkemuka di Korea dan Geran Industri Antarabangsa MFRC.

Universiti itu merupakan merupakan universiti penerima pertama di Malaysia. Perisian itu akan digunakan di Institut Penyelidikan Pembuatan Pintar, Sekolah Kejuruteraan Mekanikal UiTM serta untuk penyelidikan dan kerjasama industri.

Perisian itu telah mencatat kejayaan dalam industri logam di pelbagai negara seperti Korea, Jerman, Jepun, China, Thailand, Indonesia, India dan Turki, menurut kenyataan media UiTM hari ini. Terutamanya dalam mengurangkan masa pemrosesan, kos dan pengoptimuman aliran logam, inovasi pintar serta proses penempaan yang inovatif.

Menurut Presiden MFRC, Profesor Mansoo Joun, mengumumkan derma dan geran industri antarabangsa telah dianugerahkan kepada ketua program dan Felo SMRI UiTM, Prof. Madya Dr. Noor Azlina Mohd. Salleh.

Pengiktirafan itu hasil daripada program latihan industri tahunan, kerjasama penyelidikan, dan inisiatif mobiliti seperti program musim panas dan persidangan yang telah berlangsung sejak 2016



Oleh Syaza Norazharuddin  
[editor@dagangnews.com](mailto:editor@dagangnews.com)

**KUALA LUMPUR 10 Julai** - Universiti Teknologi Mara (UiTM) menerima perisian simulasi pembuatan logam AFDEX (Advisor for Metal Forming process Design Experts) daripada MFRC (Metal Forming Research Corporation) Korea, sebuah syarikat perkhidmatan simulasi pembentukan logam terkemuka di Korea dan Geran Industri Antarabangsa MFRC.

Universiti itu merupakan merupakan universiti penerima pertama di Malaysia.

Perisian itu akan digunakan di Institut Penyelidikan Pembuatan Pintar, Sekolah Kejuruteraan Mekanikal UiTM serta untuk penyelidikan dan kerjasama industri.

Perisian itu telah mencatat kejayaan dalam industri logam di pelbagai negara seperti Korea, Jerman, Jepun, China, Thailand, Indonesia, India dan Turki, menurut kenyataan media UiTM hari ini.

Terutamanya dalam mengurangkan masa pemrosesan, kos dan pengoptimuman aliran logam, inovasi pintar serta proses penempaan yang inovatif.

Menurut Presiden MFRC, Profesor Mansoo Joun, mengumumkan derma dan geran industri antarabangsa telah dianugerahkan kepada ketua program dan Felo SMRI UiTM, Prof. Madya Dr. Noor Azlina Mohd. Salleh.

Pengiktirafan itu hasil daripada program latihan industri tahunan, kerjasama penyelidikan, dan inisiatif mobiliti seperti program musim panas dan persidangan yang telah berlangsung sejak 2016.

Sementara itu, penghargaan juga diberikan kepada Dr. Mohd Kaswande, ahli MFRC dan alumni UiTM sempena mengekalkan hubungan rapat dengan UiTM dan SMRI.